

Bil. S 4

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah di bawah Perkara 83(3))

PERINTAH AKTA CUKAI PENDAPATAN (PINDAAN), 2008

SUSUNAN BAB-BAB

Bab

1. Gelaran dan permulaan kuatkuasa.
 2. Pindaan bab 2 dari Penggal 35.
 3. Pemasukan bab 5A baru.
 4. Pindaan bab 9.
 5. Pindaan bab 11.
 6. Pindaan bab 16.
 7. Penggantian bab 37.
 8. Pemasukan bab-bab 37A dan 37B baru.
 9. Pindaan bab 55.
 10. Penggantian bab 55B.
 11. Pemasukan bab 56A baru.
 12. Pindaan bab 65.
 13. Pemasukan bab 77A baru.
 14. Pindaan bab 78.
-

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah di bawah Perkara 83(3))

PERINTAH AKTA CUKAI PENDAPATAN (PINDAAN), 2008

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh Perkara 83(3) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan ini membuat Perintah yang berikut —

Gelaran dan permulaan kuatkuasa.

1. Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Akta Cukai Pendapatan (Pindaan), 2008 dan hendaklah dianggap telah mula berjalan kuatkuasanya pada 1 haribulan Januari, 2008.

Pindaan bab 2 dari Penggal 35.

2. Bab 2 dari Akta Cukai Pendapatan, dalam Perintah ini disebut sebagai Akta itu, adalah dipinda dengan memotong takrifan "pemastautin di Negara Brunei Darussalam," dan menggantikannya dengan takrifan baru yang berikut —

"pemastautin di Negara Brunei Darussalam" —

(a) berkenaan dengan seseorang individu, bermakna seseorang yang, pada tahun sebelum tahun taksiran, bermastautin di Negara Brunei Darussalam kecuali bagi ketiadaan sementara darinya sebagaimana yang dianggap munasabah oleh Pemungut dan tidak bertentangan dengan dakwaan oleh orang itu sebagai bermastautin di Negara Brunei Darussalam, dan termasuk seseorang yang berada secara fizikal atau yang menjalankan suatu pekerjaan (selain dari sebagai seorang pengarah bagi sebuah syarikat) di Negara Brunei Darussalam selama 183 hari atau lebih dalam tahun sebelum tahun taksiran;

(b) berkenaan dengan sesebuah syarikat atau suatu kumpulan orang, bermakna sesebuah syarikat atau suatu kumpulan orang yang kawalan dan pengurusan perniagaannya dijalankan di Negara Brunei Darussalam;"

Pemasukan bab 5A baru.

3. Akta itu adalah dipinda dengan memasukkan bab baru yang berikut sejurus selepas bab 5 —

"Pengenalan pegawai.

5A. (1) Mana-mana orang yang menjalankan sebarang tugas di bawah Akta ini hendaklah membawa suatu kad kuasa dalam borang yang dibenarkan oleh Pemungut yang akan memperkenalkan pemegangnya dan jawatannya dan kad kuasa itu hendaklah ditunjukkan oleh pemegangnya apabila diminta kepada mana-mana orang yang mempunyai alasan yang munasabah untuk membuat permintaan itu.

(2) Jika mana-mana orang yang menjalankan sebarang tugas di bawah Akta ini menunjukkan suatu kad kuasa dalam borang yang dibenarkan di bawah cerai (1) atau sebarang pengenalan atau kuasa bertulis lain, maka, sehingga dibuktikan sebaliknya, kad kuasa atau pengenalan atau kuasa bertulis lain itu hendaklah dianggap sebagai benar dan dia hendaklah dianggap sebagai orang yang disebut di dalamnya.

(3) Tidaklah menjadi suatu kesalahan bagi mana-mana orang untuk enggan mematuhi sebarang permintaan atau perintah yang dibuat oleh mana-mana orang yang menjalankan sebarang tugas di bawah Akta ini, jika orang yang disebut kemudian itu enggan atas permintaan yang dibuat oleh orang yang mula-mula disebutkan itu mengisytiharkan jawatannya dan menunjukkan kad kuasanya atau pengenalan atau kuasa bertulis lainnya."

Pindaan bab 9.

4. Bab 9 dari Akta itu adalah dipinda dengan menambah 2 cerai baru yang berikut —

"(4) Hendaklah dianggap sebagai diperolehi dari Negara Brunei Darussalam —

(a) apa-apa faedah, komisen, fee atau bayaran lain berhubung dengan mana-mana pinjaman atau keterhutangan atau sebarang penyusunan, pengurusan, jaminan atau perkhidmatan berkenaan dengan mana-mana pinjaman atau keterhutangan yang —

(i) ditanggung, secara langsung atau tidak langsung, oleh seseorang yang bermastautin di Negara Brunei Darussalam atau mempunyai suatu bangunan tetap di Negara Brunei Darussalam (kecuali berkaitan dengan sebarang perniagaan yang dijalankan di luar Negara Brunei Darussalam melalui

suatu bangunan tetap di luar Negara Brunei Darussalam) atau sebarang harta tak alih yang terletak di luar Negara Brunei Darussalam; atau

(ii) boleh dipotong dari sebarang pendapatan yang terakru di atau diperolehi dari Negara Brunei Darussalam; atau

(b) sebarang pendapatan yang diperolehi dari pinjaman jika dana yang disediakan oleh pinjaman tersebut dibawa masuk ke dalam atau digunakan di Negara Brunei Darussalam.

(5) Hendaklah dianggap sebagai diperolehi dari Negara Brunei Darussalam —

(a) royalti atau bayaran lain dalam satu jumlah wang sekali gus atau pun selainnya bagi penggunaan atau hak untuk menggunakan mana-mana harta alih;

(b) apa-apa bayaran bagi penggunaan atau hak untuk menggunakan pengetahuan atau maklumat saintifik, teknikal, perindustrian atau komersil atau bagi memberi bantuan atau perkhidmatan berhubung dengan pemakaian atau penggunaan pengetahuan atau maklumat tersebut;

(c) apa-apa bayaran bagi pengurusan atau membantu dalam pengurusan sebarang perdagangan, perniagaan atau profesion; atau

(d) sewa atau bayaran lain di bawah sebarang perjanjian atau penyusunan bagi penggunaan mana-mana harta alih,

yang ditanggung, secara langsung atau tidak langsung, oleh seseorang yang bermastautin di Negara Brunei Darussalam atau mempunyai suatu bangunan tetap di Negara Brunei Darussalam (kecuali berkaitan dengan sebarang perniagaan yang dijalankan di luar Negara Brunei Darussalam melalui suatu bangunan tetap di luar Negara Brunei Darussalam) atau yang boleh dipotong dari sebarang pendapatan yang terakru di atau diperolehi dari Negara Brunei Darussalam."

Pindaan bab 11.

5. Bab 11 dari Akta itu adalah dipinda —

(a) dalam ceraian (1), dengan memasukkan perenggan baru yang berikut sejurus selepas perenggan (f) —

"(fa) *zakat, fitrah* atau apa-apa bayaran agama, yang pembayarannya dibuat di bawah sebarang undang-undang bertulis;"

{b/ dengan memasukkan cerai baru yang berikut sejurus selepas cerai (1) —

"(1A) Dengan tidak menghiraukan cerai (1), jika wang keluar dan perbelanjaan yang termasuk di bawah cerai itu dilakukan, sama ada secara langsung atau dalam bentuk bayaran ganti, berkaitan dengan sesebuah kereta (sama ada atau tidak dimiliki oleh orang yang melakukan wang keluar dan perbelanjaan itu), jumlah wang yang akan diberikan sebagai potongan hendaklah dihadkan kepada amaun yang menunjukkan wang keluar dan perbelanjaan itu yang kadarnya sama dengan \$50,000 berbanding dengan perbelanjaan modal yang dilakukan oleh pemiliknya berkaitan dengan kereta itu, jika perbelanjaan modal itu melebihi \$50,000."

Pindaan bab 16.

6. Bab 16 dari Akta itu adalah dipinda dengan menambah 2 cerai baru yang berikut —

"(4) Dengan tidak menghiraukan cerai-cerai (1) dan (2), berkaitan dengan sesebuah kereta yang dikenakan cerai ini —

{a/ elaun permulaan yang akan dibuat di bawah cerai (1) hendaklah dikira atas suatu amaun yang bersamaan dengan perbelanjaan modal yang dilakukan berkaitan dengan kereta itu atau \$50,000, mengikut mana yang kurang;

{b/ elaun tahunan yang akan dibuat di bawah cerai (2) hendaklah dikira atas asas bahawa kos asal kereta itu adalah perbelanjaan modal yang dilakukan atau \$50,000, mengikut mana yang kurang;

{c/ jumlah keseluruhan elaun permulaan dan tahunan yang akan dibuat di bawah cerai ini bagi semua tahun taksiran yang berkaitan hendaklah tidak melebihi \$50,000.

(5) Cerai (4) hendaklah dikenakan kepada sesebuah kereta yang dibina atau disesuaikan untuk mengangkut tidak lebih daripada 7 orang penumpang (tidak termasuk pemandu) dan beratnya tanpa muatan tidak melebihi 3,000 kilogram."

Penggantian bab 37.

7. Bab 37 dari Akta itu adalah dimansuhkan dan digantikan dengan bab baru yang berikut —

"Menahan cukai berkaitan dengan faedah yang dibayar kepada orang bukan pemastautin.

37. (1) Jika mana-mana orang bertanggung untuk membayar kepada orang lain yang tidak diketahui olehnya sebagai pemastautin di Negara Brunei Darussalam apa-apa faedah yang boleh dikenakan cukai di bawah Akta ini, orang yang membayar faedah itu hendaklah memotong darinya cukai pada kadar 20 peratus atas setiap ringgit faedah itu, dan hendaklah dengan serta-merta memberi notis mengenai potongan cukai itu secara bertulis dan membayar kepada Pemungut amaun yang dipotong itu dan setiap amaun itu adalah suatu hutang yang kena dibayar olehnya kepada Kerajaan dan boleh didapatkan balik sedemikian.

(2) Pemungut boleh, jika difikirkannya patut, membenarkan mana-mana bank atau institusi kewangan untuk memberi notis mengenai potongan cukai itu dan membuat pembayaran bagi amaun yang dipotong itu dalam tempoh lain dan tertakluk kepada syarat-syarat sebagaimana yang mungkin ditentukan olehnya.

(3) Jika seseorang itu tidak membuat potongan cukai yang dia dikehendaki untuk membuatnya di bawah cerai (1), sebarang amaun yang tidak dipotong olehnya adalah suatu hutang yang kena dibayar olehnya kepada Kerajaan dan boleh didapatkan balik sedemikian.

(4) Jika amaun cukai yang dikehendaki untuk dipotong di bawah cerai (1) tidak dibayar kepada Pemungut —

(a) dalam masa 14 hari selepas pembayaran faedah yang darinya cukai itu akan dipotong, suatu jumlah wang yang bersamaan dengan 5 peratus dari amaun cukai itu hendaklah dibayar; dan

(b) dalam masa 30 hari selepas pembayaran faedah yang darinya cukai itu akan dipotong, suatu penalti tambahan sebanyak satu peratus dari amaun cukai itu hendaklah dibayar bagi setiap bulan penuh bahawa cukai itu masih belum dibayar, tetapi jumlah penalti tambahan di bawah perenggan ini hendaklah tidak melebihi 15 peratus dari jumlah cukai yang belum dijelaskan.

(5) Tanpa menjejaskan sebarang peruntukan lain Akta ini, jika mana-mana orang selepas memotong cukai yang dikehendaki untuk dipotong di bawah cerai (1) tidak memberi notis mengenai potongan itu kepada Pemungut dalam masa 14 hari selepas potongan itu, dia adalah melakukan

suatu kesalahan dan hendaklah jika sabit kesalahan dikenakan suatu penalti yang bersamaan dengan 3 kali amaun cukai yang dipotong itu dan hendaklah juga dikenakan suatu denda tidak melebihi dari \$10,000, dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi dari 3 tahun atau keduanya sekali.

(6) Pemungut boleh —

(a) mengkompaun sebarang kesalahan di bawah ceraian (5) dan boleh sebelum penghakiman menangguhkan atau mengkompaun mana-mana prosiding di bawahnya; dan

(b) atas sebab yang memuaskan meremit keseluruhan atau mana-mana bahagian penalti yang kena dibayar di bawah ceraian (4)(b).

(7) Bagi maksud-maksud bab ini —

(a) pengurus atau pegawai utama sesebuah syarikat hendaklah bertanggungjawab terhadap semua perbuatan, perkara dan hal yang dilakukan yang dikehendaki untuk dilakukan oleh syarikat itu di bawah bab ini; dan

(b) faedah hendaklah dianggap telah dibayar oleh seseorang kepada orang lain walaupun faedah itu sebenarnya tidak dibayar kepada orang lain itu tetapi dilaburkan semula, dikumpul, dimodalkan, dibawa kepada mana-mana rizab atau dikreditkan kepada mana-mana akaun tidak kira bagaimana jua pun ditetapkan, atau pun selainnya diuruskan bagi pihak orang lain itu."

Pemasukan bab-bab 37A dan 37B baru.

8. Akta itu adalah dipinda dengan memasukkan 2 bab baru yang berikut sejurus selepas bab 37 —

"Pengenalan bab 37 kepada royalti, bayaran pengurusan dll.

37A. Bab 37 hendaklah dikenakan berhubung dengan pembayaran sebarang pendapatan yang disebut dalam bab-bab 9(4) atau (5) oleh mana-mana orang kepada orang lain yang tidak diketahui olehnya sebagai pemastautin di Negara Brunei Darussalam sebagaimana peruntukan-peruntukan itu dikenakan kepada sebarang faedah yang dibayar oleh seseorang kepada orang lain yang tidak diketahui olehnya sebagai pemastautin di Negara Brunei Darussalam, dan bagi maksud pengenalan tersebut, sebarang sebutan dalam peruntukan-peruntukan itu kepada faedah hendaklah ditafsirkan sebagai suatu sebutan kepada pendapatan yang disebut dalam bab-bab 9(4) atau (5).

Pengenaan bab 37 kepada ganjaran pengarah yang bukan pemastautin.

37B. Bab 37 hendaklah dikenakan berhubung dengan pembayaran sebarang ganjaran oleh sesebuah syarikat kepada mana-mana pengarah syarikat itu yang tidak bermastautin di Negara Brunei Darussalam sebagaimana peruntukan-peruntukan itu dikenakan kepada sebarang faedah yang dibayar oleh seseorang kepada orang lain yang tidak diketahui olehnya sebagai pemastautin di Negara Brunei Darussalam dan, bagi maksud pengenaan tersebut, sebarang sebutan dalam peruntukan-peruntukan itu kepada faedah hendaklah ditafsirkan sebagai suatu sebutan kepada ganjaran tersebut."

Pindaan bab 55.

9. Bab 55 dari Akta itu adalah dipinda —

(a) dengan memasukkan "(1)" sejurus sebelum "Bagi" dalam baris pertama;

(b) dengan memotong "buku, dokumen, akaun dan penyata" dari baris kedua terakhir dan menggantikannya dengan "dokumen";

(c) dengan menambah cerai baru yang berikut —

"(2) Dalam bab ini dan bagi maksud-maksud bab 55B —

"dokumen" termasuk, selain dari suatu dokumen secara bertulis —

(a) sebarang peta, pelan, graf atau lukisan;

(b) sebarang gambar foto;

(c) sebarang label, tanda atau tulisan lain yang mengenal pasti atau memerihalkan apa-apa yang menjadi sebahagian darinya, atau yang dilampirkan kepadanya dengan apa-apa cara;

(d) sebarang cakera, pita, runut bunyi atau peranti lain yang terkandung di dalamnya bunyi atau data lain (bukannya imej visual) yang boleh dikeluarkan semula darinya (dengan atau tanpa bantuan beberapa kelengkapan lain);

(e) sebarang filem (termasuk mikrofilem), negatif, cakera, pita atau peranti lain yang terkandung di dalamnya satu imej visual atau lebih yang boleh dikeluarkan semula

darinya {dengan atau tanpa bantuan beberapa kelengkapan lain}; dan

- (f) sebarang kertas atau bahan lain yang terdapat di atasnya tanda, cetakan, rajah, surat, simbol atau tebukan yang mempunyai sesuatu makna bagi orang-orang yang berkecenderungan untuk mentafsirkannya;

"tulisan" termasuk apa-apa cara untuk menyatakan atau mengeluarkan semula perkataan, rajah, lukisan atau simbol dalam suatu bentuk yang boleh dilihat."

Penggantian bab 55B.

10. Bab 55B dari Akta itu adalah dimansuhkan dan digantikan dengan bab baru yang berikut —

"Kuasa Pemungut untuk mengakses dan mendapatkan maklumat.

55B. (1) Pemungut dan mana-mana pegawai yang diberi kuasa olehnya bagi maksud itu —

(a) hendaklah pada setiap masa mempunyai akses penuh dan bebas kepada semua bangunan, tempat, dokumen, komputer, program komputer dan perisian komputer (sama ada dipasang dalam sesebuah komputer atau pun selainnya) bagi sebarang maksud Akta ini;

(b) hendaklah mempunyai akses kepada sebarang maklumat, kod atau teknologi yang mempunyai keupayaan untuk menjelmakan semula atau tidak mengaraikan data yang telah dienkrpsi yang terkandung atau ada dalam komputer-komputer tersebut ke dalam format atau teks yang boleh dibaca dan menyeluruh bagi sebarang maksud Akta ini;

(c) adalah berhak —

- (i) tanpa bayaran atau upah, untuk memeriksa, menyalin atau membuat cabutan dari sebarang dokumen, komputer, program komputer, perisian komputer atau output komputer tersebut;
- (ii) pada bila-bila masa yang munasabah untuk memeriksa dan menyemak pengendalian sebarang komputer, peranti, alat atau bahan yang digunakan atau telah digunakan berhubung dengan apa-apa yang dikenakan bab ini;

(d) boleh mengambil milik sebarang dokumen, komputer, peranti, alat, bahan, program komputer atau perisian komputer jika pada pendapatnya —

- (i) pemeriksaan, penyemakan, penyalinannya atau pencabutan darinya tidak dapat dilaksanakan dengan munasabah tanpa mengambil milik;
- (ii) apa-apa benda tersebut boleh diusik atau dimusnahkan melainkan jika pemilikannya diambil; atau
- (iii) apa-apa benda tersebut boleh dikehendaki sebagai keterangan dalam prosiding kerana suatu kesalahan di bawah Akta ini atau dalam prosiding bagi mendapatkan balik sebarang cukai atau penalti, atau dalam prosiding dengan cara rayuan terhadap sesuatu taksiran;

(e) adalah berhak untuk menghendaki —

- (i) orang yang menggunakan atau telah menggunakan komputer itu atau orang yang bagi pihaknya komputer itu digunakan atau telah digunakan, atau mana-mana orang yang menjaga atau pun selainnya terlibat dalam pengendalian komputer, peranti, alat atau bahan itu untuk memberi bantuan yang munasabah kepada Pemungut atau pegawai itu sebagaimana yang mungkin dikehendakinya bagi maksud bab ini;
- (ii) mana-mana orang yang memiliki maklumat dekripsi untuk memberinya akses kepada maklumat dekripsi tersebut yang diperlukan untuk mendekripsi data yang dikehendaki bagi maksud bab ini.

(2) Tiada sesiapa pun boleh menurut bab ini dipaksa untuk mendedahkan sebarang butir yang berkenaan dengannya dia mempunyai kewajipan berkanun untuk menyimpan rahsia.

(3) Pemungut boleh menghendaki mana-mana orang untuk memberi secara lisan atau bertulis, sebagaimana yang mungkin dikehendaki, semua maklumat berhubung dengan pendapatan, aset atau liabilitinya atau mana-mana orang lain sebagaimana yang mungkin dikehendaki daripadanya oleh Pemungut bagi maksud-maksud Akta ini.

(4) Dalam bab ini, "komputer" dan "output komputer" mempunyai makna yang sama sebagaimana dalam Akta Penyalahgunaan Komputer (Penggagal 194).".

Pemasukan bab 56A baru.

11. Akta itu adalah dipinda dengan memasukkan bab baru yang berikut sejurus selepas bab 56 —

"Menyelenggara buku akaun dan memberi resit.

56A. (1) Tertakluk kepada cerai (3), tiap-tiap orang yang melaksanakan atau menjalankan sebarang perdagangan, perniagaan, profesion atau kerjaya —

(a) hendaklah menyelenggara dan menyimpan dalam jagaan yang selamat rekod-rekod yang mencukupi bagi tempoh 7 tahun dari tahun taksiran yang disebut dalam sebarang pendapatan untuk membolehkan pendapatannya dan potongan yang dibenarkan di bawah Akta ini sedia untuk ditentukan oleh Pemungut atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa bagi maksud itu oleh Pemungut; dan

(b) hendaklah mengeluarkan suatu resit bercetak yang dinomborkan secara bersiri bagi setiap jumlah wang yang diterima berkaitan dengan barang-barang yang dijual atau perkhidmatan yang dilaksanakan semasa menjalankan atau berhubung dengan perdagangan, perniagaan, profesion atau kerjaya tersebut, dan hendaklah menyimpan salinan setiap resit tersebut.

(2) Jika suatu mesin digunakan bagi merekodkan jualan, suatu resit boleh diketepikan jika Pemungut berpuashati bahawa —

(a) mesin tersebut merekodkan semua jualan yang telah dibuat secara automatik; dan

(b) jumlah semua jualan yang telah dibuat pada akhirnya dipindahkan kepada suatu rekod jualan.

(3) Pemungut boleh dengan notis secara bertulis kepada mana-mana orang yang melaksanakan atau menjalankan sebarang perdagangan, perniagaan, profesion atau kerjaya, atau dengan suatu notis yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan* berkaitan dengan mana-mana golongan atau perihalan mana-mana orang itu, menetapkan —

(a) bentuk rekod yang akan diselenggarakan di bawah cerai (1)(a), dan cara bagaimana rekod tersebut akan diselenggarakan dan disimpan; dan

(b) bentuk resit yang akan dikeluarkan dan salinan yang akan disimpan di bawah ceraian (1)(b), dan cara bagaimana resit tersebut akan dikeluarkan dan salinan tersebut akan disimpan,

dan tiap-tiap orang itu adalah terikat untuk mematuhi notis tersebut.

(4) Pemungut boleh mengetepikan semua atau sebarang peruntukan ceraian (1) berkaitan dengan mana-mana orang atau rekod atau mana-mana golongan atau perihalan orang atau rekod.

(5) Mana-mana orang yang, tanpa alasan yang munasabah, tidak mematuhi ceraian (1) adalah melakukan suatu kesalahan.

(6) Dalam bab ini, "rekod" termasuk —

(a) buku akaun yang merekodkan resit, bayaran, pendapatan dan perbelanjaan;

(b) inois, baucar, resit dan dokumen lain yang pada pendapat Pemungut diperlukan untuk mengesahkan catatan-catatan dalam mana-mana buku akaun; dan

(c) apa-apa rekod berkenaan dengan sebarang perdagangan, perniagaan, profesion atau kerjaya."

Pindaan bab 65.

12. Bab 65 dari Akta itu adalah dipinda, dalam ceraian (2), dengan memotong "60" dari baris keempat dan menggantikannya dengan "30".

Pemasukan bab 77A baru.

13. Akta itu adalah dipinda dengan memasukkan bab baru yang berikut sejurus selepas bab 77 —

"Perubahan alamat.

77A. Tiap-tiap orang yang bertanggung untuk membayar cukai pendapatan di bawah peruntukan-peruntukan Akta ini hendaklah memberitahu Pemungut dengan notis secara bertulis mengenai sebarang perubahan alamat."

Pindaan bab 78.

14. Bab 78 dari Akta itu adalah dipinda —

(a) dalam cerai (1)(a), dengan memasukkan "bab 55B," sejurus selepas ", bab 55A," dalam baris yang keempat;

(b) dengan menambah cerai baru yang berikut —

"(3) Pemungut boleh mengkompaun sebarang kesalahan di bawah bab ini, dan boleh sebelum penghakiman menangguhkan atau mengkompaun sebarang prosiding di bawahnya.".

Diperbuat pada hari ini 28 haribulan Rabiulawal, Tahun Hijrah 1429 bersamaan dengan 5 haribulan April, 2008 di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM